Tegahan Memperolok-olok sesama Insan dalam

AL-QURAN



Memperolok-olok bermaksud perbuatan mengejek, mempermainkan, atau mentertawakan orang lain menggunakan kata-kata atau kelakuan.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَسۡخَرۡ قَوۡمٞ مِّن قَوۡمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُواْ خَيۡرٗا مِّنۡهُمۡ وَلَا نِسَآءٞ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيۡرٗا مِّنۡهُنَّۖ وَلَا تَلۡمِزُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَلَا تَنَابَزُواْ بِٱلۡأَلۡقَٰبِۖ بِئۡسَ ٱلِٱسۡمُ ٱلۡفُسُوقُ بَعۡدَ ٱلۡإِيمَٰنِۚ وَمَن لَّمۡ يَتُبۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ١١

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

"Wahai orang-orang yang beriman." (pangkal ayat 11). Ayat ini pun akan jadi peringatan dan nasihat sopan-santun dalam pergaulan hidup kepada kaum yang beriman. Itu pula sebabnya maka di pangkal ayat orang-orang yang beriman juga yang diseru; "Janganlah suatu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain. " Mengolok-olok, mengejek, menghina, merendahkan dan seumpamanya, janganlah semuanya itu terjadi dalam kalangan orang yang beriman; "Boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan itu) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan)."

Inilah peringatan yang halus dan tepat sekali dari Tuhan. Mengolok-olok, mengejek, dan menghina tidaklah layak dilakukan kalau orang merasa dirinya orang yang beriman.

Sebab orang yang beriman akan selalu menilik kekurangan yang ada pada dirinya. Maka dia akan tahu kekurangan yang ada pada dirinya itu. Hanya orang yang tidak beriman jualah yang lebih banyak melihat kekurangan orang lain dan tidak ingat akan kekurangan yang ada pada dirinya sendiri. "Dan jangan pula wanita-wanita mengolok-olokkan kepada wanita yang lain; kerana boleh jadi (yang diperolok-olokkan itu) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan)." Daripada larangan ini nampak dengan jelas bahawasanya orang-orang yang kerjanya hanya mencari kesalahan dan kekhilafan orang lain, niscaya lupa akan kesalahan dan kealpaan yang ada pada dirinya sendiri.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri bersabda:

اَلْكِبْرُ بَطَرُ الْحَقِّ وَغَمْصُ النَّاسِ

"*Kesombongan itu ialah menolak kebenaran dan memandang rendah manusia*" (Riwayat Bukhari)

Memperolok-olokkan, mengejek dan memandang rendah orang lain, tidak lain adalah kerana merasa bahawa diri sendiri serba lengkap, serba tinggi dan serba cukup, padahal awaklah yang serba kekurangan. Segala manusia pun haruslah mengerti bahwa dalam dirinya sendiri terdapat segala macam kekurangan, kealpaan dan kesalahan.

Maka dalam ayat ini bukan saja lelaki yang dilarang berperangai yang buruk itu, bahkan perempuan pun demikian pula. Sebaliknya hendaklah kita berperangai tawadhu', merendahkan diri, menginsafi kekurangannya."*Dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri*." Sebenamya pada asalnya kita dilarang keras mencela orang lain, dan ditekankanlah dalam ayat ini dilarang mencela diri sendiri. Sebabnya ialah kerana mencela orang lain itu sama juga dengan mencela diri sendiri. Kalau kita sudah berani mencela orang lain, membuka rahsia aib orang lain, janganlah lupa bahwa orang lain pun sanggup membuka rahsia kita sendiri. Sebab itu maka mencela orang lain itu sama juga dengan mencela diri sendiri.

Di dalam Surat yang lain terdapat lagi perkataan ini, iaitu:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ١

Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji (al-Humazah,1)

Humazah kita artikan mencedera, iaitu memukul orang dengan tangan. Lumazah kita artikan mencela, iaitu dengan mulut. Dan diartikan orang juga Humazah itu dengan sikap hidup yang tidak merasa senang diam, gelisah berjalan kesana kemari. Tidak lain kerja daripada menyebar fitnah membusuk-busukkan orang lain. Maka dalam ayat ini dikatakan bahawa sikap demikian sama saja dengan mencelakakan diri sendiri, sebagaimana tersebut dalam ayat.

Kerana lama kelamaan tukang hasut dan hasut, fitnah dan menyebarkan berita busuk, mencela dan memaki itu tidaklah. akan membuat senang hati orang yang menerimanya, kalau orang yang menerima itu ada akal budi.

Mereka akan kembali berpegang dengan ayat 6 di atas tadi, iaitu memeriksai celaan dan cercaan yang kita sebarkan. Kalau ternyata dusta saja, atau melampiaskan rasa benci belaka, maka dalam ayat sudah tersedia cap buat si tukang fitnah itu, iaitu Orang Fasik!

"*Dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelar'gelar yang buruk*". Asal-usul larangan ini ialah kebiasaan orang di zaman jahiliyah memberikan gelar dua tiga kepada seseorang menurut perangainya.

Misalnya ada seorang bernama si Zaid! Beliau ini suka sekali memelihara kuda kendaraan yang indah, yang dalam bahasa Arab disebut al-Khail. Maka si *Zaid* itu pun disebutlah *Zaid al-Khail* atau si *Zaid Kuda*! Oleh Nabi s.a.w. nama ini diperindah, lalu dia disebul *Zaid al-Khair*, yang berarti *Si Zaid Yang Baik*! Pertukaran itu hanya dari huruf laam kepada huruf raa saja, tetapi artinya sudah berubah daripada kuda kepada baik.

Dari cerita ini jelaslah bahwa memanggil orang dengan gelarnya yang buruk sebaiknyalah dihentikan, lalu ganti dengan panggilan dengan gelar yang baik, sebagaimana contoh teladan yang telah diberbuat Nabi s.a.w. dengan gelar Zaid al-Khail menjadi Zaid al-Khair itu.

'Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan nama fasik sesudah iman." Maka kalau orang telah beriman, suasana telah bertukar dari jahiliyah kepada Islam sebaiknya ditukar panggilan nama kepada yang baik dan yang sesuai dengan dasar iman seseorang.

Kerana penukaran nama itu ada juga pengaruhnya bagi jiwa. Dan saya sendiri yang telah beribu orang menolong memimpin orang beragama lain memeluk agama Islam selalu menganjurkan yang baru memeluk Islam itu menukar namanya, agar ada pengaruh kepada jiwanya. Maka bertukarlah nama Kumalasari jadi Siti Fatimah, Joyoprayitno menjadi Abdul Hadi, sehingga terjadilah nama yang iman sesudah fasik, bukan sebaliknya, iaitu nama yang fasik sesudah iman. '*Dan barangsiapa yang tiada taubat, maka itulah orang-orang yang aniaya.*" (hujung ayat 11).

Pergantian nama dari yang buruk ketika fasik, kepada yang bagus setelah beriman, adalah pertanda yang baik dari kepatuhan sejak semula. Demikian jugalah halnya dengan berkhitan bersunnat-rasul bagi seorang laki-laki yang memeluk Agama Islam.

Meskipun khitan itu bukanlah syarat buat memasuki Islam, dan kalau tidak berkhitan Islamnya tidak sah, meskipun bukan demikian, namun berkhitan itu pun adalah ujian pertama bagi seseorang dalam syahadatnya mengakui bahwa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Utusan Allah. Utusan Allah itu adalah bersunnat-rasul dan Nabi-nabi yang dahulu daripadanya, sejak Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Musa dan Nabi Isa, semuanya berkhitan, mengapa orang itu akan keberatan menerimanya? Mengapa pada ujian pertama dari syahadatnya dia sudah tidak mau?

PROF. DR. HAMKA
تفسير الأزهر
TAFSIR AL-AZHAR
DIPERKAYA DENGAN PENDEKATAN SEJARAH, SOSIOLOGI, TASAWUF, ILMU KALAM, SASTRA, DAN PSIKOLOGI
JUZ 1, 2, 3
1
KARYA ULAMA BESAR INDONESIA
TAFSIR AL-AZHAR
PROF. DR. HAMKA
1 JUZ
2 JUZ
3 JUZ
4 JUZ
5 JUZ
6 JUZ
7 JUZ
8 JUZ
9 JUZ